

TAMADUN LEMBAH BUJANG : PROSPEK ARKEOLOGI DAN
PELANCONGAN

- 1.0 Pengenalan
- 2.0 Sejarah Ringkas Lembah Bujang
- 3.0 Penyelidikan Arkeologi Di Lembah Bujang
- 4.0 Warisan Dan Tempat Menarik Di Lembah Bujang
- 5.0 Prospek Pelancongan Lembah Bujang
- 6.0 Cadangan Dan Penambahbaikan
- 7.0 Kesimpulan

Abstrak

Lembah Bujang merupakan kawasan yang dipenuhi dengan pelbagai khazanah alam dan keunikan tersendiri. Adalah dikatakan kawasan Lembah Bujang telah pun mempunyai suatu sistem pentadbiran dan pemerintahan yang tersusun. Justeru tidak hairanlah kawasan ini menjadi tumpuan para pedagang dan pengembara untuk singgah serta menjadikan Lembah Bujang destinasi persinggahan mereka. Keadaan lautnya yang dalam serta kemudahan persekitaran dibantu dengan bentuk muka bumi yang sesuai adalah aset semulajadi warisan Lembah Bujang. Tambahan pula dengan adanya gunung Jerai yang berketinggian 1217 meter dari aras laut berfungsi sebagai ‘rumah api’ kepada semua pedagang timur dan barat. Malah dikatakan gunung jerai adalah sebagai perlambangan suci bagi penganut agama hindu yang berada di situ. Sehingga kini kawasan Lembah Bujang adalah seluas 450 km persegi yang merangkumi sempadan antara Cheruk Tokun di bahagian Selatan dan Bukit Choras di bahagian Utara. Kertas kerja ini akan cuba menjelaskan tentang sejarah Lembah Bujang dan penyelidikan arkeologi serta prospek pelancongan ke atas Kedah amnya. Selain itu beberapa tempat menarik serta tapak arkeologi akan disentuh selain cadangan penambahbaikan tempat eko pelancongan akan dibincangkan secara tuntas.

1.0 PENGENALAN

Lembah bujang sememangnya kaya dengan khazanah semulajadi dan dikategorikan sebagai tapak tanah bersejarah yang begitu gah dan agung sehingga kewujudan kerajaan Kedah Tua. Ia juga dikenali sebagai tapak proto sejarah pra Islam yang tertua di Malaysia berusia 1500 tahun. Perancangan dan pembangunan yang menyeluruh perlu dilakukan secara sistematik agar segala sumber yang dimiliki dapat diketengahkan untuk kepentingan jabatan.

Ini bertepatan dengan hasrat kerajaan negeri hari ini yang inginkan kawasan Lembah Bujang ini menjadi pusat warisan dunia yang diiktiraf oleh UNESCO dan bersempena dengan tahun melawat Kedah 2016.

2.0 Sejarah Ringkas Lembah Bujang

Nama Lembah Bujang adalah diberikan oleh beberapa orang penyelidik terdahulu yang diketuai oleh A. Rashid Ibrahim awal 1960an. Lembah bujang juga diambil daripada anak sungai Bujang iaitu salah satu cawangan daripada sungai utama di sini iaitu sungai Merbok. Signifikan di sini adalah kebanyakan tapak arkeologi yang ditemui dalam tahun 1960 hingga 1970an adalah sepanjang sungai Bujang dan sungai Merbok. Data sejarah menunjukkan Pengkalan Bujang adalah dijadikan pusat perdagangan Kedah suatu masa dahulu selepas Sungai Mas.

Lembah Bujang telah dikenali dengan pelbagai nama di arena antarabangsa. Pedagang India menggelar Kedah sebagai “Kalagam” dan

“Kadaram”. Sementara itu bagi pedagang dari Timur tengah mengenali sebagai “Qalha” atau “Kalah”. Bagi pedagang daripada China pula ialah “Chieh-cha”. Ini menunjukkan kepada kita bahawa suatu masa dahulu Kedah telah pun melalui proses pembangunan yang pesat melalui aktiviti perdagangan entreport.

Lembah Bujang yang merangkumi kawasan Gunung Jerai, Yan, Kuala Muda, Kulim dan Seberang Prai terdiri daripada 3 ciri utama geografi. Antaranya ialah bukit dan gunung, lembah sungai Muda dan Merbok dan kawasan pantai. Kemunculan kerajaan Kedah Tua di abad ke 2 hingga abad ke 14 masih diibuktikan dengan beberapa penemuan inskripsi yang bertarikh antara abad ke 3 hingga 14 masih. Para pedagang yang melalui jalan di sini telah pun mengetahui tentang kewujudan Lembah Bujang ekoran lokasinya yang strategik di tengah laluan pedagang timur dan barat. Data penyelidikan arkeologi juga menunjukkan bahawa Lembah Bujang adalah setara dengan beberapa tamadun asing seperti China, Srivijaya, India dan Asia Barat.

3.0 Penyelidikan Arkeologi Di Lembah Bujang

Secara umumnya penyelidikan tentang arkeologi di Lembah Bujang telah pun bermula seawal 1840an lagi. Ketika itu ianya diketuai oleh seorang pegawai British yang bertugas di Seberang Prai iaitu Kolonel James Low. Pada masa itu Low telah menjumpai inskripsi Buddhagupta di sebuah

kawasan yang terletak di Seberang Prai iaitu Cheruk Tokkun secara tidak sengaja. Adalah dipercayai diskripsi ini ditulis sebagai memperingati seorang ahli pelayaran dari benua India yang bernama buddhagupta. Pentarian secara relatif berdasarkan kepada skrip tulisannya dianggarkan ia telah ditulis pada abad ke 5 masihi. Sememangnya jumpaan ini adalah sebagai penanda aras kepada jumpaan-jumpaan yang seterusnya oleh beberapa ahli arkeologi lainnya. Bahkan ianya telah berjaya menarik minat beberapa orang pengkaji lain selepasnya. Ekoran penemuan ini Low telah menghantar sampel ini ke Calcutta dan dinyatakan bahawa inskripsi ini masih lagi wujud namun tidak diketahui di mana berada.

Sesungguhnya jumpaan daripada Low ini tidaklah boleh dijadikan sebagai rujukan kerana ianya tidak dicatatkan berapa ukuran, berat, jenis batuan diperbuat dan sama ada untuk agama buddha mahu pun hindu. Bahkan dikatakan kedudukan candi yang ditemui itu dalam keadaan tidak rata dan berselerak sifatnya. Oleh kerana keadaan candi yang ditemui dalam keadaan sedemikian rupa Low telah membuat satu kesimpulan bahawa kemasukan Islam di Kedah adalah sebagai punca candi diperlakukan sebegini.

Penemuan kedua berhubung dengan peninggalan hindu-buddha dilaporkan oleh dua orang petugas ukur yang bertugas di puncak gunung Jerai. Tapak ini telah ditemui oleh F.W. Irby secara tidak sengaja oleh Irby dan pekerjaanya dari unit Survei Trigometrik pada 1894 yang dikatakan sebagai binaan sebuah candi. Apa yang telah dilakukan oleh Irby adalah dengan

mengali struktur tersebut dan menemui bangunan atau pun platform candi yang berkeluasan 16 kaki persegi serta 2 jalur jalan diperbuat daripada batu granit. Adalah dikatakan batu granit yang berbentuk bulat itu berukuran 23 cm dan bahagian lubangnya pula 12.5 cm, lebar tepi 5.5 cm dan ketebalannya sekitar 10 cm. Hasil penemuan ini Irby berpendapat bahawa keadaan platform ini masih lagi bersifat insitu namun bahagian permukaan atasnya telah mengalami proses luluhawa bersifat fizikal.

Seterusnya proses galicari ini diteruskan lagi oleh I.H.N. Evans terutamanya dibahagian utara dan sekitar pergunungan Jerai untuk melihat secara jelas runtuhan batu-bata bangunan candi. Sewaktu Evans melakukan kerja-kerja ini beliau telah menjumpai tiga pecahan batu yang berbentuk bulatan. Ia berkemungkinan besar adalah daripada sebahagian candi yang telah runtuh itu. Namun begitu didapati kesan batu ini telah hilang ketika proses pembinaan rumah api dan jalan utama untuk ke kaki gunung Jerai. Sememangnya proses mengenalpasti artifak yang dijumpai semasa proses ini adalah amat rumit dan mengambil masa yang lama.

Seterusnya penyelidikan secara sistematik dan menyeluruh akhirnya dimulai oleh pasangan suami-isteri iaitu Dr. Quaritch Wales dan Dorothy Wales. Ia bermula sejak tahun 1936-1937 dimana pasangan ini telah dibiayai oleh The Greater India Research Committee yang berpusat di Calcutta, India. Penyelidikan ini hanyalah bertujuan kepada dua matlamat asas sahaja iaitu ; pertama adakah pengaruh India merupakan elemen utama dan bersifat

dominan ke atas aktiviti perdagangan, keduanya adakah pengaruh hindu buddha sangat terkesan di sini berdasarkan bukti-bukti yang diperolehi. Beliau telah menjalankan kajian ke atas tapak-tapak candi yang terdapat di sekitar Lembah Bujang sebanyak 30 tapak. Antaranya tapak 8, tapak 21, tapak 22, tapak 26, tapak 27, tapak 28 dan tapak Permatang Pasir. Selepas itu penyelidikan ini diteruskan pula oleh Persatuan Arkeologi Universiti Malaya yang berpengkalan di Singapura pada tahun 1956. Ia diketuai oleh K.G Tregonning dan M. Sullivan yang menjalankan kerja-kerja cari gali di sekitar Seberang Prai dan Lembah Bujang.

Sementara itu, pada tahun 1970an para pengkaji tempatan mulai mengambil alih penyelidikan arkeologi Lembah Bujang. Ianya diketuai oleh Al Rashid Ibrahim, Dr. Adi Taha, Kamaruddin Zakaria, Mohd Supian Sabtu. Dato' Adi Taha misalnya telah membuat kajiannya di tapak 17 atau Bukit Pendiat dan tapak 21 dan 22, Pengkalan Bujang. Manakala Kamaruddin Zakaria melakukan kajian di kawasan Sungai Mas. Mohd Supian Sabtu memfokuskan di tapak Bukit Batu Pahat atau pun dikenali tapak 8A dan 8B. Kajian terakhir dilakukan oleh Zulkifli Jaafar di tapak 23, Pengkalan Bujang pada tahun 2004.

Selain itu beberapa orang ahli akademik tempatan turut sama terlibat dalam aktiviti ekskavasi ini antaranya Prof Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Leong Sau Heng dan Dr. Zuliskandar Ramli.

4.0 Warisan Dan Tempat Menarik Di Lembah Bujang

Kawasan Lembah Bujang mempunyai potensi besar untuk dimajukan dalam industri pelancongan di negeri Kedah dan Malaysia amnya. Secara amnya tarikan pelancongan di sini dapat dikategorikan kepada dua iaitu tarikan pelancongan berasaskan kepada alam semulajadi dengan kebudayaan dan warisan.

4.1 Pelancongan berasaskan kepada alam semulajadi

Lembah Bujang sememangnya mempunyai kawasan hutan yang memayungi persekitaran yang indah serta nyaman. Selain itu kawasan hutan ini juga mempunyai pemandangan yang cantik di atas kemuncak gunung Jerai yang menjadi mercu tanda bagi Lembah Bujang. Kita akan dapat melihat panorama sawah padi, air terjun semulajadi dan hutan yang kaya dengan tumbuhan serta haiwan yang mendiaminya.

Manakala di atas kemuncak gunung Jerai kita dapat melihat air terjun Bukit Batu Pahat dan beberapa tapak bersejarah di situ. Antaranya perigi Tok Sheikh Ahmad Yunani, rumah api dan padang Tok Sheikh. Melalui penceritaan sejarah dikatakan seorang ulama daripada tanah Arab yang bertanggungjawab mengislamkan raja Kedah suatu masa dahulu bernama Sheikh Ahmad. Justeru mengambil sempena nama ulama inilah beberapa tempat bersejarah di atas gunung Jerai menggunakan nama seperti di atas.

Selain itu juga kawasan hutan paya bakau juga boleh menjadi destinasi menarik untuk dikunjungi. Dikatakan terdapat 35 jenis spesis paya bakau yang terdapat di sekitar sungai Merbok dan ianya berguna dalam industri perkayuan

serta ekosistem sungai semulajadi. Di kawasan hutan bakau ini juga para pengunjung boleh menyelusuri sungai Merbok ke Semeling, Pengkalan Bujang dan Tanjung Dawai untuk melihat persekitaran dan aktiviti nelayan menangkap ikan. Manakala bagi Tanjung Dawai terkenal dengan hasil laut seperti ikan kering, sotong, bilis dan udang kering yang dijual secara borong mahu pun runcit. Perusahaan membuat belacan, keropok ikan dan air nira turut dilakukan oleh penduduk setempat.

4.2 Pelancongan berdasarkan kepada Arkeo-Tourism

Kawasan Lembah Bujang sememangnya mempunyai prospek arkeo-tourism yang tersendiri mampu untuk menarik perhatian pelawat dan pengkaji dalam dan luar negeri. Tempat yang menarik ini perlu dipelihara demi generasi akan datang dapat melihat tapak-tapak bersejarah dan peninggalan artifak atau monumen sejak abad ke 2 hingga abad ke 14.

4.2.1 Masjid Pengkalan Kakap

Masjid ini dikatakan telah dibina sejak tahun 1800 dahulu oleh seorang tukang yang dikenali sebagai Tukang Man. Kerja-kerja pembinaan masjid ini dibawah penyeliaan seorang Penghulu Merbok iaitu Penghulu Haji Salleh. Ianya adalah masjid yang tertua pernah didirikan di kawasan Merbok ini. Masjid ini juga pernah menerima kunjungan Sultan Kedah pada ketika itu Sultan Abdul Hamid ketika baginda berkunjung di kawasan Kuala Muda.

Unitnya masjid ini adalah tidak menggunakan sebarang paku untuk menyambung atau melekapkan kayu antara satu sama lain. Masjid ini juga mempunyai 22 batang tiang bentuk bulat dan di bahagian luar dan 6 batang tiang besar di dalam masjid. Untuk rekod masjid ini pernah dibaikpulih oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti pada pertengahan 1994 dan ianya telah dirasmikan oleh YB Dato' Sabaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada 29 Jun 1996. Kini masjid ini terletak dibawah seliaan Jabatan Warisan Negara sejak tahun 2005 hingga kini.

4.2.2 Makam Sultan Muzaffar Shah

Makam Sultan Muzaffar Shah terletak di Kampung Langgar, mukim Bujang Kedah. Berdasarkan sejarah Kedah Sultan Muzaffar shah adalah Sultan Kedah yang mula-mula sekali memeluk Islam pada tahun 1136 M (531H). Kisah pengislaman Sultan Muzaffar telah dilakukan oleh seorang ulama dari negara Yaman bernama Sheikh Abdullah bin Sheikh Ahmad. Sebelum itu nama asal beliau ialah Raja Pra' Ong Mahawangsa yang memakai gelaran Maharaja Derbar Raja II. Kisah baginda turut disebut dalam Hikayat Merong Mahawangsa iaitu cetera sejarah Kedah. Nama Sultan Muzaffar Shah ini dikatakan diberi atas cadangan ulama daripada Yaman tersebut kepada baginda. Beliau memerintah Kedah selama 43 tahun iaitu bermula dari 1136 hingga 1179 M dan diganti oleh Sultan Muazzam Shah. Sungguh pun baginda mangkat di Bukit Meriam tetapi beliau dimakamkan di Kampung Langgar

mengikut wasiat daripada sultan sendiri. Pengislaman Sultan Muzaffar Shah menunjukkan Kedah adalah negeri pertama menerima islam jika dibandingkan dengan Melaka abad ke 15, Terengganu abad ke 14 masihi.

4.2.3 Tapak candi di Bukit Batu Pahat

Salah satu tinggalan yang terpenting di Lembah Bujang adalah candi yang tetap terpelihara di kaki Bukit Batu Pahat. Candi ini adalah candi induk yang terbesar atau dikenali tapak 8A dan 8B. Candi adalah berasal daripada perkataan ‘candika’ iaitu salah seorang isteri Dewa Siva yang dikenali Dewi Durga atau dewi kematian. Candi berfungsi sebagai tempat peribadatan bagi agama hindu- buddha dan aktiviti keagamaan serta raja atau pembesar yang meninggal dimuliakan. Lazimnya candi mempunyai 3 bahagian iaitu kaki(upapitha), badan(adhisthana-stambha) dan atap (prastana-stupi). Candi mempunyai dua struktur utama iaitu vimana dan mandapa. Vimana kebiasaannya adalah bahagian yang dibina lebih tinggi dan dianggap suci dimana patung utama serta yoni, lingga dan somasutra diletakkan bersama. Manakala mandapa pula adalah bahagian bawah digunakan untuk aktiviti keagamaan, tempat orang ramai berkumpul dan pengikut Hindu-Buddha menjalankan aktiviti.

Stupa digunakan untuk menyimpan benda-benda suci milik buddha atau orang yang dianggap suci bagi agama mereka. Stupa dibahagi kepada beberapa bahagian dengan yasti yang berbentuk tiang melambangkan

tongkak milik guatama buddha. Sementara harmika yang berbentuk segiempat dibahagian bawah yasti dan gantha berbentuk separa bulat. Seterusnya pelapik gantha yang membawa makna jubah guatama buddha dikenali padmasana dan upapitha yang menjadi pelapik kepada kesemua struktur stupa. Tapak ini mula diekskavasi pada tahun 1936 dan disambung balik pada tahun 1959- 1960. Antara arrifak yang ditemui di tapak ini adalah 8 buah relikuari tertutup yang mengandungi 9 lubang. Manakala lubang tersebut diisi dengan cembul, manik, kerajang emas bentuk lingga, nandi, dewi memegang trisula bunga teratai atau padma serta cakera. Pelapik patung dan trisula dewa siva serta pecahan seramik dan paku besi antara yang dijumpai.

4.2.4 Muzium Arkeologi Lembah Bujang

Penubuhan Muzium Arkeologi Lembah Bujang adalah yang pertama kali dibina di Malaysia berkonsepkan arkeologi. Penubuhan muzium ini adalah hasil daripada kerja-kerja penyelidikan dan kajian secara berterusan oleh ahli arkeologi terdahulu dan tempatan secara gigih di Lembah Bujang. Pembinaannya bermula sejak tahun 1977 dan dirasmikan oleh Sultan Kedah iaitu Sultan Abdul Halim Muadzam Shah pada tanggal 23 Jan 1980. Antara koleksi yang dipamerkan di muzium ini ialah serpihan tembikar tanah, celedon, Qing Pai, stoneware, seramik Parsi, prasasti (batu bersurat) buddha gupta, kalam sembah(votive tablet), relikuari, pelapik tiang, singha mukha, yoni, somasutra, lingga, arca buddha, arca hindu, peripih dan manik.

5.0 Prospek Pelancongan Lembah Bujang

Kawasan Lembah Bujang mempunyai prospek cerah dalam bidang pelancongan berdasarkan kepada warisan sejarah dan budaya setempat. Ia juga berfungsi sebagai rujukan bagi ahli arkeologi untuk melihat secara dekat artifak yang ditemui semasa kerja ekskavasi terdahulu. Secara khusus kawasan Lembah Bujang telah dieksplotasi sepenuhnya untuk menarik para pengunjung dalam dan luar negara datang ke sini.

5.1 Kelebihan sejarah Lembah Bujang

Secara tepat kita boleh katakan bahawa kekuatan Lembah Bujang dari segi pelancongan adalah daripada kelebihan dan kestimewaan sejarahnya tersendiri. Apatah lagi dengan kewujudan kerajaan Kedah Tua yang menjadi simbol tamadun awal kerajaan di alam nusantara ini. Tambahan pula timbul kesedaran demi kelangsungan warisan budaya demi generasi akan datang terus terpelihara. Bukti penemuan tapak-tapak bersejarah yang telah diekskavasi hingga kini oleh Jabatan Muzium Malaysia melebihi 50 tapak terus terpelihara.

Berdasarkan maklumat ini sudah tentu kawasan Lembah Bujang akan terus dibangunkan demi kelangsungan sebuah tamadun dan warisan negara. Bukti sejarah juga menunjukkan Lembah Bujang telah wujud kerajaan yang berteraskan kepada perdagangan sejak awal abad ke 4 masihi. Tambahan pula pihak kerajaan negeri turut menyokong usaha ke arah memajukan industri pelancongan selain daripada aspek pertanian dan perindustrian.

5.2 Lokasi yang strategik

Kedudukan Lembah Bujang yang begitu strategik antara bandar-bandar utama di bahagian utara Malaysia menjadi nadi ke arah perkembangan jalinan pengangkutan dan perhubungan. Antara bandar utama yang boleh dihubungi jalan darat ialah Sungai Petani, Alor Setar, Seberang Prai, Butterworth dan Georgetown. Kemudahan asas yang disediakan serta persekitaran menarik telah menarik minat pengkaji arkeologi terus mencari jawapan. Kedudukan Lembah Bujang juga turut dibantu oleh kemunculan beberapa institusi awam yang bertapak di sini. Secara tidak langsung menarik minat orang ramai mengenali sejarah secara lebih dekat dan jelas.

5.3 Tarikan sokongan

Keistimewaan yang terdapat di Lembah Bujang dapat dilihat dengan penggunaan nama Taman Sejarah Negara oleh kerajaan Kedah pada tahun 1980. Ianya bermula di kawasan Kampung Pengkalan Bujang dan hingga ke Bukit Batu Pahat yang menempatkan bangunan muzium Arkeologi Lembah Bujang dan beberapa buah candi yang telah diekskavasi.

6.0 Cadangan dan Penambahbaikan

Kawasan Lembah Bujang sememangnya kaya dengan pelbagai tarikan menarik fauna dan floranya. Tambahan pula kawasan pantai Merdeka yang cantik serta pantai yang landai menjadi tarikan semuajadi pengunjung ke sini dan komplek muzium yang menyimpan koleksi arkeologi menjadi pelengkap.

6.1 menaiktaraf kemudahan semula ada

Antara kemudahan yang ada di sini adalah pengangkutan awam dan jalinan jalan raya dan papan tanda. Aspek pengangkutan awam perlu diperkemaskan dengan menyediakan pakej lawatan di kawasan tapak bersejarah dan kawasan pelancongan di Lembah Bujang. Pihak hotel dan agensi pelancongan perlu merangka satu pakej yang dapat memberi keistimewaan kepada pelancong untuk merasai dan menerokai keunikan Lembah Bujang.

Selain itu papan tanda perlu diselaras balik dengan baik agar memberi tunjuk arah yang jelas kepada pelawat terutamanya di simpang jalan utama dan simpang lebuh raya utara selatan. Hal ini dapat memberi input dan maklumat jelas kepada pengguna agar mereka dapat merancang perjalanan dengan lancar.

Kemudahan tempat istirehat, parkir dan pusat peniaga juga perlu diperkemaskan agar memberi keselesaan kepada pengguna. Malahan tempat yang kotor dan usang perlu dibaiki serta dijenamakan balik selaras dengan usaha menarik pelancong melawat ke Lembah Bujang. Dengan adanya kemudahan dan kawasan terpelihara akan menyebabkan pelancong berminat untuk melawat seterusnya menceritakan pengalaman mereka kepada sahabat dan ahli keluarga masing-masing.

7.0 Kesimpulan

Jelaslah di sini bahawa Lembah Bujang mempunyai prospek pelancongan yang berpotensi besar untuk menarik pelawat dalam dan luar negara. Maka sudah pastilah kita sebagian daripada pemain dalam industri ini bergerak seiring dalam memastikan ianya maju ke hadapan dan berdaya saing. Keunikan Lembah Bujang seharusnya terus dipelihara demi generasi akan datang dan menjadi destinasi wajib lawat apabila berkunjung di Kedah dan Malaysia amnya.


Lampiran

Senarai Sultan Kedah

1. Sultan Muzaffar Shah 1	1136-1179
2. Sultan Muazzam Shah	1179-1202
3. Sultan Muhammad Shah	1202-1237
4. Sultan Muzzil Shah 1	1237-1280
5. Sultan Mahmud Shah 1	1280-1321
6. Sultan Ibrahim Shah	1321-1373
7. Sultan Sulaiman Shah 1	1373-1423
8. Sultan Ata'Allah Muhammad Shah 1	1423-1473
9. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin 1	1473-1506
10. Sultan Mahmud (Muhammad) Shah 11	1506-1547
11. Sultan Muzaffar Shah 11	1547- 1602
12. Sultan Sulaiman Shah 11	1602-1619
13. Sultan Rijaluddin Muhammad Shah	1619-1652
14. Sultan Muhyiddin Mansur Shah	1652-1661
15. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah	1661- 1688
16. Sultan Ata'Allah Muhammad Shah 11	1688-1698
17. Sultan Abdullah Muazzam Shah	1698-1706
18. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah 1	1706- 1710
19. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Muazzam Shah 11	1710- 1778
20. Sultan Abdullah Mukarram Shah	1778- 1798
21. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah	1799- 1804
22. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah 11	1804- (1821)- 1843
23. Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah 1	1843- 1854
24. Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah	1854- 1879
25. Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah 11	1880- 1881
26. Sultan Abdul Hamid Halim Shah	1882- 1943
27. Sultan Badlishah	1943- 1958
28. Sultan Abdul Halim Muadzam Shah	1968- kini



Peta 1 Negeri Kedah Darul Aman



Peta 2 Lokasi menunjukkan kawasan tapak candi di Lembah Bujang



Rajah 3 Gambaran artis tentang perdagangan di Lembah Bujang suatu masa dahulu

Rujukan

Abdullah Zakaria & Jazamuddin Baharuddin, *Arkeologi dan Sejarah*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 2008.

Adi Taha, *Recent archeological discoveries in Peninsular Malaysia, 1976-1982*, JMBRAS, Kuala Lumpur, 1983.

Adi Taha, *Bujang Valley Historical Park*, Kedah, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1998.

Adi Taha & Othman Yatim, *Warisan Lembah Bujang*, Percetakan Watan, Kuala Lumpur, 1992

Allen J, *trade, transportation and tributaries: exchange, agriculture and settlement distribution in early historic-period Kedah, Malaysia*, tesis Ph.D, University Hawaii, USA. 1988

Buyong Adil, *Sejarah Kedah*, DBP, Kuala Lumpur, 1980.

DGE Hall, : *Sejarah Asia Tenggara*, UM Press, Kuala Lumpur, 1950

G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1968

Leong Sau Heng, : *A Study of Ceramic deposit from Pengkalan Bujang*, tesis MA, UM, 1973.

Leong Sau Heng, *Lembah Bujang*, dalam Lembah Bujang, Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.

Mohd Supian Sabtu, : *Tamadun Awal Lembah Bujang*, DBP, Kuala Lumpur, 2002

Paul Wheatley, : *The Golden Khersonese*, UM Pres, Kuala Lumpur. 1961

Quaritch Wales, : *The Malay Peninsula in Hindu Times*, London, 1976

Zulkifli Jaafar, *Masyarakat hoabinhian-neolitik gunung Senyum Pahang: masyarakat memburu dan mengumpul makanan*, tesis MA, UKM, 2001.